HAMZAH OSMAN lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
TENGKU MAIMUN TUAN MAT HMR
AHMADI ASNAWI HMR
KAMARDIN HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: A-05-330-11-2014]
24 MAC 2016

KETERANGAN: *Anggapan bertentangan – Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material – Kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan – Tertuduh dijatuhkan hukuman mati – Dakwaan bahawa terdapat orang terakhir yang dilihat bersama-sama mangsa sebelum kematiannya – Sama ada kegagalan memanggil orang terakhir untuk memberi keterangan membangkitkan anggapan bertentangan – Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Kesalahan membunuh – Kanun Keseksaan, s. 302 – Tertuduh dijatuhkan hukuman mati – Barang-barang milik mangsa ditemui dalam milikan tertuduh – Puntung rokok dengan DNA perayu dijumpai dalam bilik mangsa – Sama ada keterangan ikut keadaan cukup untuk mensabitkan tertuduh – Sama ada motif berjaya dibuktikan – Sama ada kes pendakwaan berjaya dibuktikan – Sama ada pembelaan membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Penghakiman – Kegagalan hakim bicara menulis alasan penghakiman – Kesalahan membunuh – Kanun Keseksaan, s. 302 – Tertuduh dijatuhkan hukuman mati – Sama ada pembelaan tertuduh dipertimbangkan – Sama ada tertuduh diprejudis – Sama ada berlaku ketidakadilan – Sama ada berlaku pelanggaran s. 52(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964*

Perayu telah diambil bekerja sebagai pekerja penyelenggaraan dan pengemas bilik oleh penolong pengurus sebuah resort ('si mati'). Sepanjang bekerja, perayu dikatakan mempunyai masalah disiplin dan sering ditegur oleh si mati dan akhirnya diberhentikan kerja. Si mati membenarkan perayu menumpang di resort tersebut sementara perayu mendapat kerja baharu. Sehari sebelum kejadian, si mati menelefon suaminya ('SP3') dan memberitahu dia ada menyimpan wang dan barang kemas dalam laci biliknya. Pada keesokan hari, seorang pekerja resort ('SP13') memaklumkan SP3 bahawa si mati telah meninggal dunia. Setibanya di resort tersebut, SP3 mendapati bilik si mati dalam keadaan berselerak dan barang-barang milik si mati iaitu wang, barang kemas, komputer riba, dua buah telefon bimbit jenama Nokia dan sebuah kamera digital telah dicuri. Turut dijumpai di dalam bilik si mati ialah puntung rokok yang mempunyai DNA perayu. Semasa tangkapan perayu, barang kemas dan telefon bimbit milik si mati dijumpai dalam milikan perayu. Bedah siasat mendedahkan bahawa kematian si mati disebabkan oleh kecederaan kepala dengan aspirasi darah akibat trauma tumpul. Perayu dipertuduh di Mahkamah Tinggi kerana membunuh, satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Berpuas hati bahawa pihak pendakwaan berjaya

membuktikan satu kes *prima facie*, hakim bicara memerintahkan perayu membela diri. Dalam pembelaannya, perayu menyatakan (i) barang kemas tersebut adalah milik teman wanitanya; (ii) sebagai seorang perokok, dia membuang puntung rokok di merata tempat dan puntung rokok dijumpai di bilik si mati kerana dia membuangnya di situ semasa membaiki penyaman udara; dan (iii) seorang Ustaz dilihat makan malam bersama si mati sebelum kejadian dan Ustaz tersebut adalah orang terakhir yang dilihat bersama-sama dengan si mati. Pada penutup perbicaraan, perayu disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hakim bicara gagal menyediakan alasan penghakiman sebelum beliau bersara. Oleh itu, timbul rayuan ini. Perayu menghujahkan bahawa (i) dia mempunyai hak berdiam diri sekiranya hakim bicara menerangkan tiga pilihan membela diri kepadanya tetapi ini gagal dilakukan oleh hakim bicara; (ii) pihak pendakwaan gagal mengemukakan laporan tentang kewarasan akal perayu; (iii) ketiadaan alasan penghakiman oleh hakim bicara; (iv) keterangan ikut keadaan tidak cukup untuk mensabitkan perayu dan tiada keterangan yang menunjukkan motif untuk membunuh si mati; dan (v) kehadiran orang lain yang tidak dipanggil sebagai saksi, yang seterusnya membangkitkan pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta').

Diputuskan (menolak rayuan)

Oleh Kamardin Hashim H menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tidak dinafikan bahawa hakim bicara gagal menerangkan tiga pilihan untuk membela diri kepada perayu. Walau bagaimanapun, tidak berlaku prejudis dan kegagalan keadilan terhadap perayu kerana perayu diwakili peguam bela yang berpengalaman dan berkebolehan mengendalikan kes-kes jenayah. Perayu telah mendapat nasihat daripada peguam belanya yang meminta agar dia memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Ini juga pilihan yang terbaik untuk perayu daripada memilih berdiam diri. Sekiranya perayu memilih untuk berdiam diri selepas kes *prima facie* dibuktikan, perayu hendaklah disabitkan. (perenggan 23-24)

(2) Isu laporan perubatan perayu tidak timbul selepas perbicaraan diteruskan dengan saksi-saksi pendakwaan sehingga perbicaraan selesai. Isu kewarasan akal perayu juga tidak pernah timbul semasa pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan. Malah, isu yang sama juga tidak pernah timbul semasa kes pembelaan. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan perubatan terhadap kewarasan akal perayu tidak mendatangkan prejudis dan kegagalan keadilan kepada pihak pembelaan, jauh sekali membuatkan perbicaraan terhadap perayu menjadi tidak sah dan sabitan tidak boleh dipertahankan. (perenggan 29)

(3) Tiada sebarang merit tentang isu kegagalan hakim bicara menulis alasan penghakiman. Walaupun hakim bicara gagal menyediakan alasan penghakiman, beliau telah memberikan alasan keputusan. Hakim bicara telah mempertimbangkan pembelaan perayu dan memberikan alasan

mengapa beliau menolak pembelaan perayu dan mensabitkan perayu atas pertuduhan. Hakim bicara tidak melanggar s. 52(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964. (perenggan 35)

(4) Keterangan saksi-saksi cukup, memadai dan kukuh untuk mensabitkan perayu atas pertuduhan. Sabitan perayu selamat berdasarkan keterangan saksi-saksi. Selain itu, keterangan tentang milikan barang kemas, telefon Nokia dan komputer riba oleh perayu yang merupakan barangan milik si mati diterima masuk oleh hakim bicara sebagai keterangan untuk mengukuhkan sabitan terhadap perayu. Hakim bicara turut menerima keterangan berkaitan puntung rokok yang ada DNA perayu yang ditemui dalam bilik si mati. Perayu mempunyai motif kerana berdendam dengan si mati selain terdesak untuk mendapatkan wang. (perenggan 36, 37, 39, 41 & 43)

(5) Ustaz bukan saksi penting dalam kes ini dan tiada keterangan menunjukkan pihak pendakwaan cuba menyembunyikan keterangan Ustaz tersebut. Menurut SP13, Ustaz dan beberapa pelajar tahfiz adalah tetamu di resort tersebut yang menghadiri seminar. SP13 makan malam bersama si mati dan Ustaz dan selepas itu mereka bersurai. Oleh itu, anggapan di bawah s. 114(g) Akta tidak terpakai dalam kes ini dan tidak wujud jurang dalam kes pendakwaan. (perenggan 45)

English *Headnotes*

The appellant was employed as a maintenance worker and housekeeper by the assistant manager of a resort ('the deceased'). During his employment, the appellant was said to have disciplinary problems and was often reprimanded by the deceased and was eventually terminated. The deceased allowed the appellant to stay at the resort while getting a new job. A day before the incident, the deceased called her husband ('SP3') and informed him that she had kept some money and jewelleries in a drawer in her room. The next day, an employee of the resort ('SP13') informed SP3 that the deceased had died. Upon arriving at the resort, SP3 found the deceased's room in a scattered condition and the deceased's belongings, namely, money, jewelleries, laptop, two Nokia handphones and a digital camera were stolen. A cigarette butt containing the appellant's DNA was also found in the deceased's room. At the time of his arrest, the jewelleries and handphones belonging to the deceased were found in the appellant's possession. A post-mortem revealed that the cause of deceased's death was head injuries with blood aspiration due to blunt trauma. The appellant was charged at the High Court for murder, an offence under s. 302 of the Penal Code. Satisfied that the prosecution had successfully established a *prima facie* case, the trial judge called the appellant to enter his defence. In his defence, the appellant submitted that (i) the jewelleries belonged to his girlfriend; (ii) as a smoker, he would litter cigarette-butts anywhere and the cigarette-butt was found in the deceased's room because he had thrown it there while fixing the air conditioner; and

A (iii) an Ustaz was seen having dinner with the deceased before the incident and the Ustaz was the last person seen with the deceased. At the conclusion of the trial, the appellant was convicted for the offence and sentenced to death. However, the trial judge failed to write the grounds of judgment before his retirement. Hence, the present appeal. The appellant submitted that (i) he B had the right to remain silent if the trial judge explained the three options to enter defence to him but this was not done by the trial judge; (ii) the prosecution failed to adduce the report on the appellant's sanity; (iii) the absence of the grounds of judgment by the trial judge; (iv) the circumstantial evidences were insufficient to convict the appellant and there was no C evidence to establish motive to kill the deceased; and (v) the presence of another person who was not called as witness, which subsequently raised the invocation of s. 114(g) of the Evidence Act 1950 ('the Act').

Held (dismissing appeal)
Per Kamardin Hashim J delivering the judgment of the court:

D **(1)** It was undisputed that the trial judge failed to explain the three options of entering defence to the appellant. However, no prejudice or miscarriage of justice was occasioned against the appellant because the appellant was represented by an experienced counsel who was capable of handling criminal cases. The appellant was advised by his counsel E who requested him to testify under oath. This was the best option for the appellant rather than being silent. Had the appellant opted to remain silent after *prima facie* case was established, he would be convicted.

(2) The issue of the appellant's medical report did not arise after the trial proceeded with the prosecution's witnesses until the conclusion of the F trial. The issue of the appellant's sanity was also never raised during cross-examination of the prosecution's witnesses. In fact, the same issue was never raised in defence. The prosecution's failure to adduce the medical report on the appellant's sanity did not cause prejudice or miscarriage of justice to the defence, let alone cause the trial to be G invalid and the conviction unsustainable.

(3) There was no merit on the issue of the trial judge's failure to pen the grounds of judgment. Despite failing to prepare the grounds of judgment, His Lordship had provided his grounds of decision. The trial judge considered the appellant's defence and provided grounds as to why His H Lorship dismissed the same and went on to convict the appellant for the charge. The trial judge was not in breach of s. 52(1) of the Courts of Judicature Act 1964.

(4) The evidences by the witnesses were adequate, sufficient and solid to convict the appellant for the charge. The appellant's conviction was safe I based on the evidences of the witnesses. In addition to that, the evidence on the possession of jewelleries, Nokia handphones and laptop by the appellant which all belonged to the deceased was accepted by the court

as evidence to strengthen the conviction of the appellant. The trial judge also accepted the evidence of the cigarette-butt containing the appellant's DNA which was found in the deceased's room. The appellant had a motive because he was vengeful towards the deceased besides being desperate for money.

(5) The Ustaz was not a material witness in this case and there was no evidence to show that the prosecution was suppressing the evidence of the said Ustaz. According to SP13, the Ustaz and a number of *tahfiz* students were guests at a seminar in the resort. SP13 had dinner with the deceased and the Ustaz and after that, they went separate ways. Therefore, the presumption under s. 114(g) of the Act was not applicable to this case and did not create a gap in the prosecution's case.

Kes-kes yang dirujuk:
Junaidi Abdullah v. PP [1993] 4 CLJ 201 SC ***(dirujuk)***
Juraimi Husin v. PP [1998] 2 CLJ 383 CA ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 52(1)
Criminal Procedure Code, ss. 180(4), 308, 342(1), (3)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, s. 302

Bagi pihak perayu - Manoharan Malayalam; T/n M Manoharan & Co
Bagi pihak responden - Thangavelu A Suppiah; TPR

[Nota pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Ipoh; Perbicaraan Jenayah No: 45B-3-2009 (disahkan).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

Latar Belakang

[1] Perayu telah dibicarakan dan disabitkan atas satu pertuduhan bagi kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ("KK") oleh Mahkamah Tinggi Ipoh. Perayu telah dihukum gantung di leher sehingga mati. Di hadapan kami, perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman.

[2] Pertuduhan di mana perayu telah disabitkan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 18 Ogos 2008, jam lebih kurang 1.00 pagi, di bilik No: 202, Suria Beach Resort, Teluk Nipah, Pulau Pangkor, di dalam daerah Manjung, di dalam Negeri Perak Darul Ridzwan, telah membunuh NORAZLIDA BINTI IDEN [No. K/P: 770727-08-7102] dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

A **Kes Pendakwaan**

[3] Seramai 20 orang saksi telah dipanggil memberi keterangan bagi membentangkan naratif kes pihak pendakwaan. Secara ringkasnya, kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

B **[4]** Saksi Azahan bin Ibrahim (SP3), Pengurus Suria Beach Resort ("resort tersebut") menyatakan si mati merupakan isteri kedua beliau. Si mati bertugas sebagai Penolong Pengurus Suria Beach Resort dan si mati tinggal di bilik No: 202 resort tersebut. Pada masa kejadian si mati sedang hamil lima bulan. SP3 mengenali perayu sebagai salah seorang pekerja resort tersebut. Perayu telah diambil bekerja oleh si mati sebagai pekerja C maintenance dan juga sebagai pengemas bilik.

[5] SP3 juga menyatakan bahawa perayu telah berhenti kerja pada 13 Ogos 2008. Walaupun begitu si mati membenarkan perayu untuk terus tinggal di resort tersebut sementara menunggu perayu mendapatkan pekerjaan yang D lain. SP3 turut menyatakan bahawa perayu seorang pekerja yang tidak berdisiplin, mutu kerja yang tidak memuaskan, selalu tidak hadir bekerja dan enggan untuk mematuhi arahan si mati. Perayu juga seorang yang panas baran. Hubungan perayu dengan pekerja-pekerja lain juga tidak baik dan sering bertengkar dengan pekerja-pekerja yang lain. Perayu pernah memukul E seorang pekerja dari Indonesia bernama Yetti (SP4). Di resort tersebut, perayu tinggal dalam sebuah bilik di bahagian belakang kaunter hadapan bersama seorang pekerja bernama Mohd Shafaril bin Abd Samat (SP13).

[6] Pada jam 10 malam 17 Julai 2008, si mati ada menelefon SP3 dan memberitahu kutipan wang tunai hari itu berjumlah RM900. Si mati juga F memberitahu SP3 bahawa pada malam itu si mati menyimpan wang tersebut serta barang-barang kemasnya di dalam laci-laci dalam bilik yang didiami oleh si mati. Pada jam 12.30 malam 18 Ogos 2008, SP3 ada membuat panggilan telefon kepada si mati. SP3 mahu berbincang tentang sebut harga satu seminar tetapi si mati memberitahu beliau mengantuk dan mahu tidur. Ini berlaku kira-kira setengah jam sebelum jam 1 pagi iaitu waktu perayu G dipertuduhkan telah membunuh si mati.

[7] Pada jam 11.30 pagi hari yang sama, SP3 telah membuat panggilan telefon kepada telefon bimbit si mati tetapi tiada jawapan. SP3 telah menghubungi SP13 untuk mengesan di mana si mati berada. Pada jam H 12 tengah hari SP3 dimaklumkan oleh SP13 bahawa si mati sedang pengsan di dalam bilik No: 202 dan setengah jam kemudian SP3 diberitahu bahawa isteri beliau telah meninggal dunia. SP3 telah bergegas dari Pengkalan Hulu, Perak dan tiba di Pulau Pangkor pada jam 6 petang. SP3 mendapati bilik si mati berada dalam keadaan berselerak. SP3 mendapati wang RM900 dan barang-barang kemas milik si mati bernilai anggaran RM18,000 telah I dilarikan. Turut hilang dari bilik si mati adalah sebuah komputer riba, dua buah telefon bimbit jenama Nokia dan sebuah kamera digital.

[8] Saksi Rusli bin Mohd Mustapa (SP7) menyatakan beliau mengenali perayu sebagai rakan bermain badminton. SP7 menyatakan pada jam 1 pagi 18 Ogos 2008 beliau telah menerima panggilan telefon dari perayu yang meminta beliau mengambil perayu di luar kawasan resort tersebut. SP7 telah meminjam motosikal milik Mohd Shah Rizal bin Abdul Wahab (SP8) lalu pergi mengambil perayu dan telah membawa perayu ke rumah SP8 di Kpg Masjid, Pulau Pangkor. SP7 melihat perayu membawa sebuah beg galas dan sebuah beg lagi berisi satu laptop. SP7 juga melihat perayu membawa beberapa barang kemas. Perayu telah memberikan seutas gelang emas kepada SP7. Gelang emas itu kemudiannya SP7 serahkan kepada teman wanita beliau, Nurul Syazwani binti Said (SP6).

[9] Saksi SP8 menyatakan perayu datang ke rumah beliau bersama SP7 pada tengah malam itu untuk menyewa bot beliau untuk menghantar perayu balik ke tanah besar. Perayu telah membayar SP8 RM200 sebagai sewa bot. SP8 kemudian mendapati sebuah laptop telah ditinggalkan oleh perayu di bilik tidur beliau. Setelah mengetahui polis menjalankan siasatan terhadap perayu, SP8 telah meminta adik beliau, Mohd Hafiz bin Abdul Wahab (SP5) untuk membuang laptop itu ke dalam laut di Teluk Segagas, Pulau Pangkor.

[10] Pada 21 Ogos 2008, perayu telah ditangkap di sebuah rumah di Taman Perling, Johor Bahru bersama dua orang lelaki, Mohd Ritzduwan bin Ibrahim (SP11) dan Mohamad Nadzrine bin Ibrahim (SP12). Pelbagai barang kemas dan tiga buah telefon bimbit jenama Nokia telah dirampas daripada perayu. Beberapa lagi barang kemas turut dirampas oleh pihak polis dari kedai emas Sri Suria Emas Enterprise atas pandu arah dari perayu. Saksi Mat Adam bin Besar @ Nik (SP18) mengesahkan perayu telah menjual tujuh jenis barang kemas tersebut pada 19 Ogos 2008 dengan harga RM1,500. SP18 dapat mengenali perayu dan mengesahkan butir-butir perayu melalui salinan kad pengenalan perayu yang disimpan oleh SP18. Semua barang kemas dan dua dari tiga telefon Nokia yang dirampas daripada perayu dan juga dari SP18 telah dicamkan oleh SP3 sebagai milik isteri beliau, si mati.

[11] Pakar Forensik, Dr Mohd Shafie bin Othman (SP16) telah menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati pada jam 10.10 malam 18 Ogos 2008. Laporan bedah siasat disediakan oleh SP16 dan dikemukakan sebagai exh. P49 (di ms. 322 AR Jld. 2). SP16 mendapati kepala si mati berlumuran dengan darah dengan hidung dan mulut si mati mengeluarkan busa darah. Terdapat luka koyak di kepala si mati dan kedua-dua telinga si mati ada mengeluarkan darah. Tangan kiri si mati dalam keadaan menggenggam rambutnya. Satu serpihan kayu telah ditemui melekat pada kulit kepala sebelah kiri.

[12] Saksi SP16 mendapati kecederaan di kepala si mati adalah disebabkan dari hentakan oleh satu objek tumpul dan keras yang dilakukan secara bertubi-tubi dengan menggunakan kudrat yang kuat. Berdasarkan pemeriksaan di tempat kejadian, SP16 berpendapat besar kemungkinan

serangan berlaku semasa si mati sedang tidur. SP16 juga mendapati terdapat kecederaan pada tangan kiri si mati, dan kecederaan ini bersesuaian dengan cubaan untuk mempertahankan diri. SP16 mengesahkan si mati tidak ada mengalami sebarang penyakit yang biasa yang menyebabkan atau menyumbangkan kepada kematian si mati. Hasil pemeriksaan, SP16 juga mendapati bayi lelaki yang berusia lima bulan di dalam kandungan si mati juga telah meninggal dunia dan telah menjadi kebiruan. SP16 mengesahkan sebab kematian si mati adalah kerana "Kecederaan Kepala Dengan Aspirasi Darah Akibat Trauma Tumpul."

[13] Saksi DSP Chek U Koi (SP14) adalah Pegawai Forensik yang telah menjalankan pemeriksaan dalam bilik tempat kejadian dan bilik 204 yang bersebelahan. Saksi SP14 telah menemui satu batang kayu dan satu puntung rokok jenama "MALL" atas lantai dalam bilik si mati. Ada tanda-tanda menunjukkan cermin tingkap bilik 204 telah dibuka dan ada kesan cap jari di bahagian luar cermin tingkap tersebut. Saksi menyatakan orang boleh memasuki bilik 202 dari bilik 204 melalui lubang siling. SP14 telah menemui sepasang kasut bersama stokin hitam di dalam bilik 204. Saksi SP13 mengecamkan sepasang kasut tersebut sebagai milik beliau yang sering digunakan atau dipinjam oleh perayu yang tinggal satu bilik yang sama dengan beliau.

Dapatan Dan Keputusan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan

[14] Hakim bicara yang bijaksana telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu atas pertuduhan. Perayu telah diperintahkan untuk membela dirinya atas pertuduhan yang dihadapkan.

Kes Pembelaan

[15] Dalam keterangan membela dirinya secara bersumpah dari kandang saksi, perayu menyatakan secara ringkasnya seperti berikut:

(a) beliau tidak menafikan pernah bekerja di Suria Beach Resort, Pulau Pangkor yang diuruskan oleh si mati;

(b) beliau pernah masuk ke dalam bilik 202 yang didiami oleh si mati tiga hari sebelum kejadian untuk membaiki alat penghawa dingin, mengubah perabot dan mengemas bilik itu atas arahan si mati;

(c) beliau seorang perokok dan beliau sering membuang puntung rokok di merata tempat sehingga puntung rokok ditemui dalam bilik 202 yang beliau buang semasa membaiki air-cond dalam bilik itu;

(d) beliau terima satu panggilan telefon dari keluarga beliau waktu tengah malam yang menyatakan datuk beliau di Muar sakit tenat;

(e) beliau terus mengemas barang-barang untuk balik ke Johor dan untuk itu beliau telah menelefon kawan beliau Rusli (SP7) untuk membawa beliau ke pengkalan;

(f) beliau kemudian pergi ke rumah Mohd Shah (SP8) pada tengah malam tersebut dan telah menyewa bot SP8. Beliau menafikan ada menunjukkan laptop kepada SP8;

(g) setelah sampai di Teluk Batik, beliau terus ke Manjung bersama SP7 dan pergi ke rumah seorang kawan kepada SP7. Pada jam 8 pagi 18 Ogos 2008, beliau terus pergi ke stesen bas Manjung dan berlepas ke Johor Bahru pada jam 8.30 pagi. Beliau menafikan telah menyerahkan seutas gelang emas kepada SP7 sebagai upah;

(h) setelah tiba di Johor Bahru beliau telah menziarahi neneknya sebelum pergi ke rumah kawan beliau Mohd Ritzduwan (SP11);

(i) beliau mengakui ada menjual barang kemas di kedai SP18 dan telah menjual gelang emas kepunyaan teman wanita beliau. Beliau menafikan telah menjual barang kemas yang lain kepada SP18 dan menafikan telah menandatangani P41; dan

(j) selepas 2-3 hari berada di Johor Bahru, beliau telah ditangkap oleh pihak polis ketika sedang tidur bersama Mohamed Nadzrine (SP12) di rumah keluarga SP11 dan SP12. Pada masa tersebut beliau hanya memakai sehelai seluar pendek tanpa memakai baju. Polis telah merampas rantai leher milik beliau yang sedang beliau pakai.

Keputusan Hakim Bicara Di Akhir Kes

[16] Hakim bicara telah mensabitkan perayu atas pertuduhan dan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu. Walau bagaimanapun hakim bicara gagal menyediakan alasan penghakiman sebelum beliau bersara. Penghakiman lisan hakim bicara yang bijaksana dapat dilihat di ms. 2-5 AR Jld. 4 (rekod rayuan tambahan).

Rayuan Perayu

[17] Di hadapan kami, peguam bela terpelajar bagi perayu telah membangkitkan isu-isu berikut sebagai alasan untuk membenarkan rayuan perayu supaya satu perbicaraan semula diadakan. Isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam bela terpelajar adalah:

(a) hakim bicara gagal menerangkan tiga pilihan untuk membela diri kepada perayu;

(b) kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan laporan mengenai kewarasan akal perayu (mental state);

(c) ketiadaan alasan penghakiman oleh hakim bicara;

(d) keterangan mengikut keadaan tidak mencukupi untuk sabitkan perayu; dan

(e) kehadiran orang lain yang tidak dipanggil sebagai saksi.

[18] Mengenai isu tiga pilihan untuk membela diri, penguam bela terpelajar merujuk kepada s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan perkataan 'unexplained' menunjukkan hak perayu untuk berdiam diri. Kegagalan hakim bicara menerangkan dan memberi tiga pilihan untuk membela diri telah menafikan hak perayu yang dijamin di bawah undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan.

[19] Mengenai isu kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan laporan terutama kedudukan "mental state" perayu, dihujahkan bahawa ia adalah fatal. Perayu dihadapkan dengan satu pertuduhan yang boleh membawa hukuman mati jika disabitkan. Di awal perbicaraan perayu menyatakan bahawa beliau ingin mengaku salah terhadap pertuduhan. Perayu telah dirujuk untuk pemerhatian oleh Hospital Bahagia Tanjung Rambutan di bawah s. 342 KTJ bagi menentukan sama ada perayu layak dibicarakan. Walaupun pihak pendakwaan menyatakan laporan pakar mengesahkan perayu layak dibicarakan dan tidak mengalami sebarang kecacatan akal semasa kesalahan dilakukan, namun pihak pendakwaan gagal untuk mengemukakan kepada mahkamah laporan tersebut. Dihujahkan bahawa perayu telah diprejudiskan.

[20] Mengenai isu ketiga, peguam bela terpelajar berhujah kegagalan hakim bicara menyediakan alasan penghakiman seperti dikehendaki menurut s. 308 KTJ telah memprejudiskan perayu. Peguam bela bergantung kepada keputusan dalam kes *PP v. Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 MLJ 393 dan *Junaidi bin Abdullah v. PP* [1993] 4 CLJ 201; [1993] 3 MLJ 217.

[21] Mengenai keterangan mengikut keadaan, peguam bela berhujah ia tidak cukup kuat untuk mensabitkan perayu. Peguam bela terpelajar menghujahkan isu ini berlandaskan kepada perkara-perkara berikut:

(a) tiada cap jari perayu diperolehi pada sebatang kayu yang ditemui di tempat kejadian. Kayu tersebut disyaki sebagai senjata yang telah digunakan untuk membunuh mangsa. Dalam pertuduhan awal menyebutkan sebatang kayu telah digunakan untuk membunuh mangsa namun dalam pertuduhan pindaan, perkataan sebatang kayu telah dikeluarkan;

(b) tiada cap jari atau DNA perayu ditemui pada mana-mana barang kes yang dirampas oleh pihak polis semasa siasatan dalam kes ini;

(c) hanya terdapat DNA perayu pada satu puntung rokok yang dirampas dari dalam bilik tempat kejadian. Puntung rokok itu ditemui tersorok sedikit di bawah katil dan tidak diketahui sejak bila ianya telah berada di situ. Perayu sebagai pekerja maintenance dan pengemas bilik mungkin telah membuang puntung rokok di situ pada waktu beliau bekerja. Puntung rokok juga satu benda yang senang dialihkan dan terdapat di merata-rata tempat di resort tersebut seperti keterangan SP3;

(d) walaupun beberapa barang kemas telah ditemui daripada perayu dan ada dirampas atas maklumat daripada perayu, namun tidak terdapat DNA perayu pada barang-barang kemas tersebut;

(e) tiada saksi yang melihat perayu telah memasuki bilik si mati pada malam tersebut;

(f) keterangan SP20 menyatakan bilik 202 boleh diakses oleh orang melalui bilik 204 dengan melalui lubang yang terdapat pada siling bilik-bilik tersebut; dan

(g) tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan motif di pihak perayu untuk membunuh si mati.

[22] Mengenai isu saksi yang gagal dipanggil untuk memberi keterangan, peguam bela berhujah terdapat keterangan menunjukkan bahawa terdapat seorang Ustaz dilihat makan malam bersama si mati sebelum kejadian. Ustaz itu adalah orang terakhir yang telah dilihat berada bersama dengan si mati.

Dapatan Dan Keputusan Kami

[23] Mengenai isu berkaitan tiga pilihan untuk membela diri, dari pemerhatian kami ke atas nota prosiding, tidak dinafikan bahawa hakim bicara telah gagal untuk menerangkan tiga pilihan untuk membela diri kepada perayu. Melalui rekod dan juga rakaman CRT menunjukkan selepas hakim bicara memerintahkan perayu membela diri setelah berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie*, hakim bicara tidak menerangkan tiga pilihan kepada perayu. Sebaliknya hakim bicara yang bijaksana hanya bertanya peguam bela jumlah saksi pihak pembelaan sebelum menetapkan tarikh baru untuk kes pihak pembelaan pada 21 Ogos 2014 (m/s. 1 AR Jld. 4 dan m/s. 163 AR Jld. 1). Seterusnya selepas beberapa penangguhan dibenarkan atas beberapa alasan, akhirnya pada 7 Oktober 2014 hakim bicara terus mendengar keterangan membela diri dari perayu.

[24] Persoalannya adakah kegagalan hakim bicara menerangkan tiga pilihan kepada perayu telah mendatangkan prejudis dan seterusnya telah mendatangkan kegagalan keadilan kepada perayu sebagaimana dihujahkan oleh peguam bela terpelajar. Pada hemat kami tidak berlaku prejudis dan kegagalan keadilan terhadap perayu dalam kes ini. Sepanjang masa yang material perayu telah diwakili oleh seorang peguam bela terpelajar yang berpengalaman dan berkebolehan dalam mengendalikan kes-kes jenayah. Melalui rakaman CRT menunjukkan peguam bela terpelajar telah memberitahu mahkamah bahawa perayu akan memberi keterangan membela diri secara bersumpah dari kandang saksi. Perayu kemudiannya telah memberi keterangan membela dirinya secara bersumpah. Pada hemat kami perayu telah mendapat nasihat daripada peguam bela terpelajar yang memintanya supaya memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Pada hemat kami ini juga adalah pilihan yang terbaik untuk perayu daripada

memilih untuk berdiam diri. Peguam bela terpelajar berhujah bahawa perayu mempunyai hak untuk memilih berdiam diri sekiranya tiga pilihan diterangkan kepada perayu. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar. Sekiranya perayu memilih untuk berdiam diri dalam kes ini, perayu akan meletakkan dirinya dalam keadaan yang tidak lebih baik dari pilihan untuk memberi keterangan secara bersumpah. Sekiranya perayu memilih untuk berdiam diri setelah kes *prima facie* dibuktikan, perayu hendaklah disabitkan. Dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 FC Mahkamah Persekutuan antara lain telah memutuskan seperti berikut:

> Put shortly, what the trial court is obliged to do under ss. 173(f) and 180 of the CPC is to ask itself the question: If the accused elects to remain silent, as he is perfectly entitled to do, am I prepared to convict him on the evidence now before me? See, *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232. If the answer to that question is in the affirmative, then the defence must be called. And if the accused remains silent, he must be convicted. If the answer is in the negative, then the accused must be acquitted.

[25] Mengenai keadaan seseorang tertuduh telah diwakili oleh peguam bela yang berkebolehan dan berpengalaman, dalam situasi yang sama seperti perayu di hadapan kami, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236; [2009] 3 MLJ 151 telah memberikan pandangan seperti berikut:

> [20] Section 272 of the Criminal Procedure Code provides "In all criminal cases tried before the High Court the judge shall take down in writing notes of the evidence adduced". Reading from all the notes of evidence and the grounds of judgment, I am well satisfied that the first appellant was properly advised on his rights as well as on the effect of choosing to remain silent. The notes show that not only were the appellants advised by the court but they were represented by able and experienced counsel. The duty to advise the accused person when he is represented by a counsel also lies with the counsel, not merely the court. From the notes of evidence appearing on p 202 counsel for the second appellant agreed that the court merely asked the first appellant whether he was aware of what he was doing. I am fully confident that if the learned trial judge had wrongly advised the appellants of their rights and the implications of them electing to remain silent, a senior and very experienced counsel such as that representing the second appellant, would have definitely advised and pointed out the errors to the learned judge accordingly. He would have failed in his duty as an officer of the court should he have not done so. A lawyer is first an officer of the court. He is obligated to advise the court on what he understands to be the law. In this respect, this is what Lord Reid said in *Rondel v. Worsley* [1969] 1 AC 191 at p 227:
>
> > Every counsel has a duty to his client fearlessly to raise every issue, advance every argument, and ask every question, however distasteful, which he thinks will help his client's case. But, as an

officer of the court concerned in the administration of justice, he has an overriding duty to the court, to the standards of his profession, and to the public, which may and often does lead to a conflict with his client's wishes or with what the client thinks are his personal interests. Counsel must not mislead the court, he must not lend himself to casting aspersions on the other party or witnesses for which there is no sufficient basis in the information in his possession, he must not withhold authorities or documents which may tell against his clients but which the law or the standards of his profession require him to produce. And by so acting he may well incur the displeasure or worse of his client so that if the case is lost, his client would or might seek legal redress if that were open to him.

(emphasis added.)

[21] Counsel for the second appellant had acted and been involved in so many criminal cases involving new principles in criminal law including cases relating to the burden of proof at the close of the prosecution's case (see *Khoo Hi Chiang v. Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1 MLJ 265).

[22] In any case, further, the first appellant's own counsel confirmed that the first appellant elected to remain silent, not on one occasion, but on three different occasions during the trial.

[26] Mengenai isu ketidakwarasan perayu, peguam bela terpelajar berhujah, perayu telah cuba untuk mengaku salah terhadap pertuduhan walaupun ditolak oleh hakim bicara. Perayu telah dirujuk kepada pakar Hospital Bahagia Ulu Kinta atas arahan mahkamah tetapi pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan laporan pakar ke mahkamah. Peguam bela berhujah perbicaraan terhadap perayu tidak sah dan wajar satu perbicaraan semula diadakan.

[27] Kami telah meneliti rekod rayuan dan mendapati isu berkaitan tahap kewarasan perayu telah mula timbul pada 22 Jun 2011 selepas dua saksi pendakwaan memberi keterangan. Pada 22 Jun 2011 peguam bela perayu membuat permohonan kepada mahkamah supaya perayu dihantar ke hospital mental di bawah s. 342(1) KTJ untuk tujuan pemerhatian bagi menentukan tahap kewarasan akal perayu. Permohonan peguam bela dibuat berdasarkan maklumat daripada ibu dan ahli keluarga perayu yang menyatakan perayu sering mendengar suara dan perayu beberapa kali cuba untuk membunuh diri. Hakim bicara terdahulu, YA Teo Say Eng telah membenarkan permohonan peguam bela terpelajar dan memerintahkan perayu dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta untuk pemerhatian selama satu bulan di bawah s. 342(3) KTJ. Kemudiannya pada 22 Julai 2011 Tuan TPR dalam kehadiran peguam bela terpelajar melaporkan kepada mahkamah bahawa laporan perubatan telah diterima dan mengesahkan bahawa perayu berada dalam keadaan waras semasa kejadian. Keadaan mental perayu stabil dan beliau layak untuk membela diri dan dibicarakan di mahkamah (m/s 42-45 AR Jld. 3).

[28] Seterusnya kami mendapati nota prosiding bertarikh 5 Disember 2001, hakim bicara YA Dato' Zainal Adzam bin Abdul Ghani telah sekali lagi memerintahkan perayu dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta untuk pemerhatian apabila terdapat keraguan mengenai tarikh sebenar laporan perubatan dan juga atas alasan bahawa perayu bersungguh-sungguh mahu mengaku salah (m/s 9-10 AR Jld. 1).

[29] Isu mengenai laporan perubatan terhadap perayu tidak timbul selepas perbicaraan diteruskan dengan saksi-saksi pendakwaan berikutnya sehingga perbicaraan selesai. Isu kewarasan akal perayu tidak juga pernah timbul semasa pemeriksaan balas terhadap saksi-saksi pendakwaan. Malahan isu yang sama juga tidak pernah timbul semasa kes pembelaan. Kami sebulat suara mendapati kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan laporan perubatan terhadap kewarasan akal perayu tidak mendatangkan prejudis dan kegagalan keadilan kepada pihak pembelaan, jauh sekali membuatkan perbicaraan terhadap perayu menjadi tidak sah dan sabitan tidak boleh dipertahankan.

[30] Kami berpegang kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Juraimi Husin v. PP* [1998] 2 CLJ 383. Dalam kes itu isu yang sama berkaitan dengan kewarasan perayu telah ditimbulkan oleh peguam bela perayu. Di ms. 422 kes itu, YA Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) telah menyatakan seperti berikut:

> With respect, the short answer to counsel is to be found in the opening words of s. 342. They are, so far as relevant to the instant appeal: "When a judge holding a trial … has reason to suspect that the accused person is of unsound mind". In the present case, there was absolutely no material before the judge to raise a reasonable suspicion about the soundness of the first accused's mental state. Counsel having made the application to place the first accused under observation was clearly under a duty to pursue the matter to its logical conclusion. Once there was a marked silence on his part, the judge was entitled to safely assume that the matter was not being seriously pursued any further. And it must be said that as events transpired, the learned judge would have been entirely correct in making such an assumption. For, the answers given by the first accused under cross-examination as well as the contents of his cautioned statement (exh. P223) put beyond any doubt the absence of any mental illness on his part.
>
> In support of his second submission Encik Karpal Singh cited *Ashiruddin Ahmad v. R.* [1949] 50 Cr. LJ 255. We do not find a discussion of that case to be necessary. All we need say is that the facts there are readily distinguishable from those of the present case.
>
> We are, on the other hand, entirely in agreement with the submission made by the learned deputy, Encik Azahar, that the burden of establishing the defence of insanity lay upon the first accused (see *Public Prosecutor v. Alang Mat Nasir* [1938] MLJ 153; *Jusoh v. Public Prosecutor* [1963] MLJ 84) and that he had plainly failed to do this. The learned deputy drew our

attention to the absence of any cross-examination of the prosecution witnesses on the insanity issue. We were also referred to passages in the evidence-in-chief of the first accused where he clearly explains the premeditation with which the murder of the deceased had been planned and executed. We are in agreement with Encik Azahar that the revelations made by the first accused are the product of a mind uninfected by any illness of any sort.

In our judgment the learned judge was entirely correct in directing the jury as he did. There was absent before him any evidence which supported the plea of insanity. We are therefore of the view that there is no merit in the complaint made on the point.

[31] Berkaitan dengan isu kegagalan hakim bicara menyediakan alasan penghakiman, dua perkara telah dihujahkan oleh peguam bela terpelajar. Perkara pertama adalah berkaitan dengan dapatan hakim bicara di akhir kes pendakwaan di mana hakim bicara telah memerintahkan supaya perayu membela diri atas pertuduhan. Peguam bela terpelajar telah merujuk kepada ms. 163 AR Jld. 1 di mana terdapat catitan "Mahkamah: OKT diarah masukkan pembelaan terhadap kes pendakwaan." Dihujahkan tiada terdapat dapatan yang spesifik oleh hakim bicara tentang sama ada satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan atau tidak ada catitan keputusan dibuat atas pertimbangan secara maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan seperti dikehendaki menurut peruntukan di bawah s. 180 KTJ.

[32] Kami dapati tiada peruntukan di bawah statut menghendaki hakim bicara memberikan alasan mengapa pembelaan perayu dipanggil. Namun begitu kami mendapati bantahan peguam bela terpelajar mengenai perkara ini sebenarnya telah dijawab apabila rakaman CRT telah dimainkan di hadapan kami oleh Tuan TPR. Kami berpeluang melihat dan mendengar rakaman CRT dan kami mengesahkan bahawa hakim bicara telah menyatakan dengan jelas bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* sebelum memerintahkan perayu untuk membela diri. Malangnya perkara ini tidak tercatat dalam nota prosiding. Transkripsi rakaman CRT tersebut kami perturunkan seperti berikut (m/s 1 AR Jld.4):

Mahkamah: Setelah meneliti keseluruhan nota keterangan kes ini dan hujahan kedua-dua pihak, adalah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie*. Oleh yang demikian, tertuduh diarah untuk memasukkan pembelaan terhadap pertuduhan.

[33] Perkara kedua yang dibangkitkan oleh peguam bela terpelajar atas isu yang sama ialah kegagalan hakim bicara menulis alasan penghakiman merupakan salah arahan yang telah menyebabkan prejudis yang serius terhadap perayu. Perayu sepatutnya diberitahu mengenai sebab-sebab beliau telah disabitkan untuk membolehkan serta membantu persediaan perayu dalam rayuannya di peringkat mahkamah yang lebih tinggi. Dalam kes *PP v.*

Mohd Radzi Bin Abu Bakar (supra) yang dirujuk oleh peguam bela perayu, kami sedar akan pandangan Mahkamah Persekutuan mengenai keperluan hakim bicara untuk menulis alasan penghakiman, seperti berikut:

> The failure by the trial court either to make or to record such finding does not in our judgment occasion a miscarriage of justice. It is sufficient for the judicial arbiter … be he a judge or magistrate … to give his reasons in his written grounds of judgment for requiring an accused to make his defence.

[34] Kami juga merujuk kepada peruntukan di bawah s. 52(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 atas isu yang sama. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 52. Record of Proceedings
>
> (1) When a notice of appeal has been filed the Judge by whom the decision was given shall, if he has not already written his judgment, record in writing the grounds of his decision, and the written judgment or grounds of decision shall form part of the record of the proceedings.

[35] Kami mendapati tiada sebarang merit dalam hujahan peguam bela terpelajar mengenai isu kegagalan hakim bicara menulis alasan penghakiman. Walaupun hakim bicara telah gagal untuk menyediakan alasan penghakiman, namun dalam kes ini hakim bicara yang bijaksana telah memberikan alasan keputusan (grounds of decision). Hakim bicara telah menimbangkan pembelaan perayu dan telah memberikan alasan mengapa beliau telah menolak pembelaan perayu dan telah mensabitkan perayu atas pertuduhan. Hakim bicara tidak melanggari s. 52(1) Akta dalam kes ini. Antara lain, hakim bicara yang bijaksana telah memberikan alasan-alasan berikut dalam mensabitkan perayu (m/s 3-4 AR Jld. 4):

> 1 issue yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah melalui notis alibi. Notis Alibi di dalam kes *Yau Heng Fang v. PP* [1985] 2 MLJ 335
>
> > Where accused raises an alibi burden of proving alibi is not on the accused. It is only evidential burden that his defence to do is to raise reasonable doubt.
>
> Setelah mengkaji pembelaan ini, saya dapati pembelaan ini adalah satu pembelaan yang lemah kerana keterangan pihak pendakwaan telah mengesahkan bahawa tertuduh berada di tempat kejadian lebih kurang 1.00 pagi, 18.8.2008 sepertimana di dalam pertuduhan. Keterangan tertuduh sendiri mengesahkan dia berada di tempat kejadian pada masa berkenaan.
>
> Menurut pembelaan yang dibangkitkan adalah bahawa tertuduh ingin keluar dari Pulau Pangkor kerana datuk tertuduh sakit di Muar, Johor.
>
> Walau bagaimanapun, di dalam keterangan tertuduh sendiri menyatakan dia membeli tiket bas pada 8.30 pagi dari Manjong ke Johor Bharu untuk melawat neneknya di sana dan mendapati neneknya sembuh sedikit selepas menjalani rawatan.

Jelas kedua perkara ini bercanggah dan kedua-dua pernyataan merupakan pernyataan kosong dan tidak mempunyai apa-apa nilai keterangan.

Oleh yang demikian, pemergian tertuduh dari Pulau Pangkor atau tempat kejadian secara tergesa-gesa pada subuh 18.8.2008 ke seberang dan kemudian ke Johor adalah merupakan keterangan ikut keadaan yang relevan penglibatan tertuduh dalam pertuduhan ini.

Satu lagi isu yang dibangkitkan adalah berkenaan keterangan pihak pendakwaan mengenai puntung rokok yang mempunyai DNA OKT di dalam bilik si mati yang telah dijumpai di dalam bilik si mati.

Penjelasan tertuduh bahawa dia adalah perokok dan sentiasa membuang puntung rokok merata-rata di dalam kes ini adalah tidak munasabah.

Oleh kerana tertuduh merupakan orang yang bertanggungjawab dan biasa dalam mencuci dan mengemas bilik-bilik di dalam resort tersebut. Sebagai orang yang bertanggungjawab mengemas dan membersih bilik-bilik, tertuduh tidak akan sendiri membuang puntung rokok dalam bilik yang dikemaskan. Oleh yang demikian, penjelasan ini bukanlah penjelasan yang munasabah dan masuk akal.

Mengenai penjualan barang-barang kemas dicamkan oleh suami si mati oleh tertuduh di kedai emas di Johor. Ini dijelaskan oleh tertuduh itu merupakan barang kemas teman perempuannya. Satu lagi saya dapati ianya merupakan satu pernyataan kosong tanpa apa-apa nilai. Ia berbanding dengan keterangan pendakwaan mengenai barang kemas yang disokong oleh … adalah meyakinkan.

Oleh yang demikian, dengan ringkas, saya dapati bahawa pembelaan tertuduh merupakan satu mere denial yang tidak membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan terhadap pertuduhan ini.

Oleh itu saya dapati tertuduh bersalah dan disabitkan dengan kesalahan sepertimana dalam pertuduhan.

[36] Isu keempat dihujahkan oleh peguam bela terpelajar di hadapan kami adalah mengenai keterangan terhadap perayu hanya berdasarkan keterangan mengikut keadaan dan bahawa tiada keterangan mengenai motif di pihak perayu untuk membunuh si mati. Dihujahkan oleh peguam bela terpelajar bahawa keterangan mengikut keadaan yang ada tidak cukup dan tidak selamat untuk mensabitkan perayu. Dengan hormatnya, kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar. Sebaliknya, kami sebulat suara mendapati bahawa terdapat keterangan-keterangan mengikut keadaan yang cukup kuat untuk mensabitkan perayu atas pertuduhan.

[37] Keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi SP3, SP4, SP5, SP6, SP7, SP8, SP9, Latipah binti Muda (SP10), SP11, SP12, SP13, SP14, Noor Salina binti Iden (SP15), SP16, ASP Somu a/l Subramaniam (SP17), SP18, ASP Zairulnizam bin Mohd Zainuddin (SP19) dan ASP Muniandy a/l Paramichiuan (SP20) pada hemat kami adalah cukup, memadai dan kukuh untuk mensabitkan perayu dengan pertuduhan. Sabitan perayu adalah

selamat berdasarkan keterangan saksi-saksi yang disebutkan. Kami bersetuju dengan dapatan dan keputusan yang dibuat oleh hakim bicara dalam mensabitkan perayu atas pertuduhan.

[38] Keterangan matan saksi-saksi tersebut yang mengaitkan tertuduh dengan pembunuhan si mati dapat diringkaskan seperti berikut:

(i) SP3 – suami si mati membuat laporan polis tentang kematian si mati dan mengenai kehilangan barangan milik si mati iaitu barang kemas, telefon bimbit, komputer riba, wang dan kamera digital. Saksi telah dapat mengecam barang kemas milik si mati yang telah dijual oleh perayu di Johor Bahru kepada saksi SP18 di kedai menjual/membeli barang kemas;

(ii) SP4 – saksi yang mengemas dan mencuci bilik si mati No: 202 menyatakan, kunci bilik sentiasa dipegang oleh si mati. Pada malam kejadian si mati masuk tidur jam 9 malam. Saksi dapat mengecam gelang emas (P27B) milik si mati yang telah diberikan oleh perayu kepada SP7 pada malam kejadian dan SP7 telah berikan pula gelang tersebut kepada teman wanita beliau, SP6;

(iii) SP5 – perayu berjumpa saksi pada malam kejadian dan meminta saksi menghantar perayu ke seberang kerana mahu melawat neneknya yang tenat di Muar. SP5 melihat perayu membawa satu beg. SP5 telah diberikan sebuah komputer riba oleh SP8 yang memberitahu ianya telah diberikan oleh perayu. SP5 telah mencampakkan komputer riba tersebut ke dalam laut;

(iv) SP6 – saksi telah menerima satu gelang emas (P27B) daripada SP7 dan SP6 dimaklumkan gelang emas telah diberikan oleh perayu dan adalah milik si mati;

(v) SP7 – saksi telah mengambil perayu dari Suria Beach Resort pada waktu tengah malam hari kejadian dan membawa perayu berjumpa SP8 untuk menyewa bot untuk balik ke Johor. Perayu telah menunjukkan barang-barang kemas kepada saksi dan perayu memberitahu telah meninggalkan satu komputer riba di rumah SP8. Perayu beritahu SP7 bahawa beliau telah mengetuk kepala seseorang pada malam itu. Perayu ada membawa satu beg galas. Perayu telah berikan satu gelang emas (P27B) dan wang RM200 kepada saksi kerana telah menolong beliau. Gelang emas saksi berikan kepada SP6 untuk disimpan;

(vi) SP8 – perayu dan SP7 datang ke rumah beliau waktu tengah malam minta sewa bot. SP8 telah meminta adik beliau, SP5 untuk hantar perayu ke seberang. Perayu tinggalkan sebuah komputer riba di rumah SP8 dan saksi minta SP5 buang komputer itu ke dalam laut;

(vii) SP9 – tengah malam kejadian, saksi ada mendengar bunyi spring katil seperti ada orang membetulkan katil dan kemudian melihat perayu berjalan di koridor ke arah pintu pagar. Perayu memberitahu mahu balik ke Johor. Perayu dilihat dalam keadaan tergesa-gesa hendak meninggalkan Suria Beach Resort. Perayu masuk ke dalam bilik SP13 dan keluar semula dan dibawa pergi menaiki sebuah motosikal yang ditunggang oleh kawannya;

(viii) SP10 – saksi telah mengecamkan subang emas (P26A) dan gelang tangan emas (P27B) yang telah dilarikan oleh perayu sebagai milik si mati;

(ix) SP11 – perayu datang ke rumah saksi di Johor Bahru pada 18 Ogos 2008 membawa banyak barang kemas. Saksi membawa perayu ke sebuah kedai emas di mana perayu telah menjualkan barang kemas kepada SP18. Perayu bagi RM50 kepada SP11 dan SP12 kerana membawa perayu ke kedai emas;

(x) SP12 – menyokong keterangan SP11

(xi) SP13 – perayu tinggal satu bilik dengan saksi. Pada jam 1 pagi, 18 Ogos 2008 saksi terkejut dari tidur bila perayu balik masuk ke dalam bilik. Jam 8 pagi tarikh yang sama saksi dapati perayu tidak berada dalam bilik. Saksi sahkan sepasang kasut (P43A) yang dijumpai dalam bilik 204 adalah miliknya yang dipakai oleh perayu;

(xii) SP14 – menjumpai satu batang kayu (P46A) dalam bilik si mati dipercayai telah digunakan dalam pembunuhan si mati. Saksi turut jumpai satu puntung rokok (P47A) dalam bilik si mati yang ada kesan DNA si mati;

(xiii) SP15 – mengecam perayu sebagai bekas pekerja Suria Beach Resort dan mengecam P26A dan P27B sebagai barang kemas milik si mati, kakak beliau;

(xiv) SP16 – serangan terhadap si mati berlaku masa si mati sedang tidur dengan menggunakan kayu (P46A). Saksi menganggarkan waktu kematian si mati antara jam 9.20 malam hingga jam 12.20 tengah malam pada 18 Ogos 2008;

(xv) SP17 – telah menangkap perayu di Taman Perling, Johor Bahru pada 21 Ogos 2008, saksi telah merampas barang kes, tiga buah telefon bimbit Nokia. Perayu telah membawa saksi ke kedai emas Sri Suria Emas Enterprise di Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru dan saksi SP18 telah menyerahkan tujuh jenis barang kemas yang dijual oleh perayu kepada SP18;

(xvi) SP18 – pembeli emas dan surat pajak gadai. Saksi mengesahkan pada 19 Ogos 2008 telah membeli tujuh jenis barang kemas daripada perayu yang mengatakan barang kemas beliau dan teman wanita dengan harga RM1,500. Saksi mengeluarkan resit (P41). Semua barang kemas itu telah dirampas oleh SP17 pada 21 Ogos 2008. Semua barang kemas telah dicamkan oleh SP3 sebagai barang kemas milik isteri beliau, si mati;

(xvii) SP19 – saksi telah merampas satu gelang emas (P27B) dari SP6. Saksi-saksi SP3, SP4, SP10 dan SP15 dapat mengecamkan gelang emas itu milik si mati. Gelang emas itu telah diterima oleh SP7 daripada perayu dan SP7 telah serahkan kepada SP6, teman wanita beliau; dan

(xviii) SP20 – pegawai penyiasat yang telah menjalankan siasatan kes ini telah merakam keterangan saksi-saksi, mengumpul barang-barang kes, mengawasi pemeriksaan forensik, menguruskan barang kes dan menghadiri bedah siasat ke atas jasad si mati yang dilakukan oleh SP16.

[39] Selain dari keterangan-keterangan mengikut keadaan tersebut, lain-lain keterangan yang menyokong yang menjurus kepada kebersalahan perayu dapat dilihat dari fakta bahawa perayu telah meninggalkan Pulau Pangkor dalam keadaan tergesa-gesa pada waktu tengah malam tanpa memberitahu SP13 (rakan sebilik) dengan menyewa bot daripada SP8. Tujuan perayu adalah untuk melawat datuk beliau yang dikatakan tenat di Muar. Walau bagaimanapun perayu telah menaiki bas terus ke Johor Bahru. Dalam keterangan membela diri, perayu menyatakan telah melawat nenek di Johor Bahru yang telah sembuh. Keterangan dan kelakuan perayu yang bercanggah dan tidak munasabah menguatkan dapatan hakim bicara terhadap kebersalahan perayu.

[40] Pada malam kejadian perayu secara spontan telah memberitahu SP7 bahawa beliau telah mengetuk kepala seseorang (m/s 43 dan 48 AR Jld.1). Pengakuan perayu telah dibuat secara sukarela kepada orang awam dapat diterima terhadap perayu. Walaupun SP7 tidak bertanya siapa dan bila kejadian mengetuk kepala berlaku, namun kejadian ketuk boleh dibuat inferen munasabah bahawa perayu adalah orang yang telah mengetuk kepala si mati dengan kayu yang ditemui berada di dalam bilik 202 Suria Beach Resort di mana mayat si mati telah ditemui. Selain itu, dalam masa yang

sama perayu telah memberi satu gelang emas (P27B) milik si mati kepada SP7 sebagai upah kepada SP7 yang membantu perayu untuk melarikan diri dari tempat di mana jenayah pembunuhan telah dilakukan oleh perayu.

[41] Keterangan mengenai pemilikan barang kemas, telefon Nokia dan komputer riba oleh perayu yang merupakan barangan milik si mati pada malam kejadian telah diterima masuk oleh hakim bicara sebagai keterangan untuk mengukuhkan sabitan terhadap perayu. Hakim bicara tidak terkhilaf dalam menerima masuk keterangan tersebut terhadap perayu. Selain itu hakim bicara turut menerima keterangan berkaitan puntung rokok yang ada DNA perayu yang ditemui dalam bilik si mati. Hakim bicara telah memberikan alasan mengapa keterangan itu diterima terhadap perayu dalam kes ini dan menolak dakwaan perayu bahawa puntung rokok itu telah beliau buang di situ semasa beliau membaiki air-cond 2-3 hari sebelum kejadian. Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara atas isu itu.

[42] Hakim bicara telah menolak pembelaan alibi yang diberikan oleh perayu atas alasan terdapat keterangan kukuh dari saksi-saksi pendakwaan bahawa pada sekitar jam 1 pagi perayu berada di tempat kejadian. Perayu hanya beredar dalam keadaan tergesa-gesa dari tempat kejadian selepas menyerang dan melarikan barangan berharga milik si mati. Kami bersetuju dengan dapatan fakta hakim bicara tersebut dan tiada alasan untuk kami mengganggu dapatan tersebut.

[43] Peguam bela terpelajar berhujah pihak pendakwaan gagal menunjukkan apa-apa motif di pihak perayu untuk membunuh si mati. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar. Motif dapat dilihat melalui fakta dan keadaan yang berlaku dalam kes ini. Perayu diakui mempunyai masalah disiplin dalam pekerjaan beliau. Perayu selalu ditegur oleh si mati dan akhirnya telah diberhentikan kerja. Perayu menumpang di resort tersebut yang diuruskan oleh si mati sementara waktu mendapatkan pekerjaan yang baru. Pada hemat kami, perayu mempunyai motif kerana mendendami si mati selain terdesak untuk mendapatkan wang bagi menyara kehidupan beliau yang mempunyai teman wanita ketika itu walaupun tanpa pendapatan dan pekerjaan.

[44] Isu terakhir yang ditimbulkan oleh peguam cara terpelajar adalah mengenai kegagalan pihak pendakwaan memanggil atau menawarkan seorang saksi dikenali sebagai Ustaz Latif kepada pihak pembelaan. Peguam bela menghujahkan Ustaz Latif dilihat makan malam bersama si mati dan orang yang terakhir dilihat bersama si mati pada malam kejadian. Dihujahkan juga saksi itu penting. Oleh itu anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 hendaklah terpakai terhadap pihak pendakwaan. Kegagalan saksi itu hadir memberi keterangan dihujahkan turut meninggalkan jurang di dalam kes pendakwaan.

[45] Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar. Berdasarkan kepada keterangan saksi SP13, Ustaz Latif dan beberapa pelajar tahfiz adalah tetamu di resort tersebut sedang menghadiri seminar. SP13 menyatakan beliau turut makan bersama si mati dan Ustaz Latif di sekitar jam 10 malam. Selepas itu mereka bersurai. Si mati telah kembali ke bilik beliau. Keterangan SP3 melalui perbualan telefon dengan si mati, menunjukkan pada 12.30 malam si mati sedang berada di biliknya bersedia untuk tidur (m/s 22 AR Jld. 1). Kami tidak bersetuju Ustaz Latif saksi penting dalam kes ini dan tiada keterangan menunjukkan pihak pendakwaan cuba untuk menyembunyikan keterangan saksi Ustaz Latif tersebut. Oleh itu anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai dalam kes ini dan tidak wujud jurang dalam kes pendakwaan seperti dihujahkan oleh peguam bela terpelajar.

[46] Atas alasan-alasan yang kami sebutkan di atas, kami sebulat suara mendapati sabitan terhadap perayu adalah selamat. Kami mendapati alasan-alasan dalam rayuan perayu tidak bermerit. Dengan itu kami menolak rayuan perayu. Keputusan Mahkamah Tinggi mensabitkan dan menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu dikekalkan.